

Mata Pelajaran: Geografi

Tingkatan : 2 Cemerlang

Tema : TEMA 6 – PENGANGKUTAN DAN PERHUBUNGAN(6.2)

Tajuk: PERKEMBANGAN SISTEM PERHUBUNGAN

Soalan Kurikulum

Soalan Penting (EQ) : 1. Masalah sosial dalam kalangan remaja berlaku disebabkan oleh perkembangan sistem perhubungan. Bincangkan.

Soalan Unit (UQ) : 1. Jelaskan perkembangan sistem perhubungan di Malaysia?
2. Bagaimanakah kehidupan manusia tanpa telekomunikasi?

Soalan Kandungan (CQ): 1. Mengapa komputer dan internet semakin penting dalam kehidupan hari ini?
2. Senaraikan usaha kerajaan dalam memajukan sistem perhubungan di Malaysia?

Objektif Pembelajaran:

Pada akhir projek, pelajar dapat :

1. Mempersiapkan projek dalam bentuk laporan lisan dan bertulis serta pameran.
2. Mempersiapkan projek dalam bentuk *power point*.
3. Menyiapkan, mempamerkan dan mengedarkan risalah projek.

Ringkasan Pelajaran

Sistem perhubungan di Malaysia bermula dengan sistem perkhidmatan pos. Kemudian sistem perhubungan berkembang dengan kewujudan telefon, telegraf, teleks, faksimili, radio dan televisyen. Penggunaan satelit telah meningkatkan lagi sistem perhubungan di Malaysia. Antara faktor yang mempengaruhi perkembangan perhubungan di Malaysia seperti perkembangan teknologi global, dasar governan dan perkembangan ekonomi. Terdapat beberapa kesan positif dan negatif yang timbul daripada perkembangan system perhubungan . Antara kesan positif adalah seperti maklumat dapat diperolehi dengan banyak dan tugas menjadi mudah dan cekap .Manakala kesan negatif adalah seperti mendapat maklumat negatif jika tidak dikawal dan ditapis, mengancam keselamatan negara jika disalahgunakan dan timbul masalah cetak rompak.

Prosedur

Pra-projek

1. Guru membahagikan pelajar dalam kumpulan (3 hingga 5 orang)
2. Guru memberikan tajuk projek dan pelajar mengagihkan sub tugas tentang tajuk projek.
3. Guru menyediakan surat menyurat seperti surat kebenaran membuat projek.
4. Guru menjelaskan cara pelaksanaan projek.
5. Guru mengedarkan jadual pelaksanaan projek.

Minggu 1

1. Pelajar mendapatkan maklumat melalui internet, bahan bercetak seperti surat khabar dan majalah, penggambaran video dan bahan model perhubungan
2. Mengumpul dan membincangkan maklumat yang telah diperolehi
3. Guru mengenalpasti cara pelajar untuk mempersembahkan hasil projek.
4. Rubrik penilaian.

Minggu 2

1. Pelajar menyediakan persembahan dalam bentuk *power point*.
2. Pelajar berbincang dengan guru untuk penambahbaikkkan hasil projek.
3. Rubrik penilaian.

Minggu 3

1. Kumpulan pelajar menyediakan *brosur* dan bahan pameran.
2. Guru membimbing pelajar untuk menyediakan senarai isi kandungan *brosur*.
3. Rubrik penilaian.

Minggu 4

1. Pelajar mengedarkan *brosur*, dan mempersembahkan *power point*.
2. Pelajar membuat pameran.
3. Guru membuat ulasan terhadap pembentangan dan pameran yang dijalankan.
4. Guru membuat penilaian hasil kerja kumpulan pelajar.

Tempoh masa

- 4 minggu

Pengetahuan/Kemahiran sedia ada

- Kemahiran mengakses internet
- Pengetahuan am tentang pengangkutan darat

Integrasi Kemahiran Generik

- Kemahiran Belajar
- Kemahiran Berfikir
- Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi
- Kemahiran Mentaksir dan Menilai
- Kemahiran Fasilitator

Bahan Bantu Belajar/Sumber Pembelajaran

- Komputer / internet
- Kamera Digital

Bahan Bercetak : Buku Teks, majalah, akhbar dan bahan rujukan lain

Sumber Internet : Alamat laman web

Lain-lain Sumber : TM Berhad dan Unit Penyiaran

Pentaksiran : Rubrik penulisan, lisan dan pameran.